

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan. **ARAS 1**

- | | |
|--|---|
| <p>1 Sikap berwaspada ibu bapa terhadap keadaan anak-anak ketika mandi di laut <u>amat penting sekali</u>.</p> <p>A teramat terpenting sekali
B amat terpenting sekali
C teramat penting sekali
D amat penting sekali</p> <p>2 Para penyelam yang ditugaskan untuk proses mencari dan menyelamatkan di kawasan tersebut telah mengesahkan <u>supaya mangsa tidak dijumpai</u>.</p> <p>A agar mangsa tidak dijumpai
B apabila mangsa tidak dijumpai
C bahawa mangsa tidak dijumpai
D supaya mangsa tidak dijumpai</p> | <p>3 Peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan diwujudkan <u>demi untuk melahirkan</u> pengguna jalan raya yang berhemah.</p> <p>A demi melahirkan
B demi untuk lahirkan
C untuk demi melahirkan
D demi untuk melahirkan</p> <p>4 Setelah berbulan-bulan sakit akibat jatuh tangga, nenek <u>belum boleh berdiri sendiri</u> kerana masih memerlukan sokongan untuk berdiri.</p> <p>A telah sudah berdiri sendiri
B belum masih berdiri sendiri
C telah pernah berdiri sendiri
D belum boleh berdiri sendiri</p> |
|--|---|

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **ARAS 1**

- Kanak-kanak amat sangat gembira jika ibu bapa membawa mereka berekreasi di kawasan sungai.

- Polis telah menahan tiga orang lelaki warga asing bahawa disyaki terbabit dalam sindiket penipuan dalam talian.

- Banyak perkara-perkara baharu yang dapat kita belajar melalui ceramah Doktor Azwan tentang langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit.

- Pengguna dinasihatkan jika meneliti maklumat pada label barang makanan bagi memastikan kandungan bahan pengawet.
